

# Pelajar prihatin isu keluarga miskin

MELIHAT sendiri kesan terhadap kanak-kanak dan keluarga yang tidak dapat keluar daripada kepompong kemiskinan, Encik Faizul Helmi Hasnol mahu lebihkan usaha demi memperbaiki kehidupan golongan sedemikian.

Beliau yang meluangkan masa lapangnya melakukan kerja sukarela di flat-flat sewa di daerah North Bridge Road berkata isu kemiskinan merupakan sesuatu yang dekat di hatinya.


Oleh itu, beliau tidak melepaskan peluang mengajukan soalan mengenai topik demikian apabila peluang tiba.

Encik Faizul, 23 tahun, merupakan salah seorang peserta dalam sesi dialog untuk belia bersama Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad baru-baru ini.

Ditemui selepas sesi tersebut, Encik Faizul berkata:

“Saya bertanya Menteri tentang kepompong kemiskinan yang membelenggu masyarakat Melayu/ Islam, mereka yang tinggal di rumah sewa yang jumlahnya agak tinggi,” kata siswa Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

“Saya melakukan kerja sukarela di rumah-rumah sewa dan saya lihat sendiri kanak-kanak dan keluarga ini yang tersepit dan tak dapat keluar dari kepom-



**ENCIK FAIZUL HELMI HASNOL:** Bertekad membantu keluarga susah keluar daripada kepompong kemiskinan. – Foto BH oleh KELVIN CHNG

pong kemiskinan mereka,” ujarnya.

Malah, beliau sendiri tinggal di rumah sewa, kata Encik Faizul.

Hal tersebut membuatnya sedar bahawa merasakan sesuatu sendiri tidak sama

dengan hanya mendengar daripada pengalaman orang lain.

“Oleh itu, saya faham betapa susahnyanya untuk mencapai sesuatu dan keluar dari kepompong ini,” tambah anak muda tersebut.

Memberi responsnya kepada soalan Encik Faizul di sesi dialog itu, Encik Masagos berkata beliau mengalu-alukan orang seperti Encik Faizul yang tampil membantu golongan memerlukan.

“Sikap dan semangat ingin membantu ini penting. Terdapat banyak wadah untuk membantu,” ujar Encik Masagos.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di kelab masyarakat boleh memainkan peranan lebih besar.

“Sejak sekian lama, MAEC memberi tumpuan menarik belia menerusi acara kebudayaan. Ini usaha baik tetapi saya fikir MAEC boleh melakukan lebih daripada itu,” ujar Encik Masagos.

Sementara itu, Encik Faizul, yang mengikuti jurusan pemasaran di SUSS turut menggalakkan belia lain menghadiri sesi pendekatan belia BH kerana ia merupakan peluang bukan sahaja untuk mengajukan soalan malah mendengar pandangan mereka yang lebih berkaliiber seperti menteri.